

30 OCT 2003

Mahathir-Melayu

PEMBENTUKAN MELAYU BARU PERLU DIPERBAHARUI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan terakhirnya sebagai presiden Umno kepada pemimpin dan anggota parti mengajak mereka memperbaharui lagi usaha pembentukan Melayu baru agar dapat berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini.

Beliau berkata orang Melayu hendaklah mengubah sikap mereka menjadi lebih berani, lebih sanggup menghadapi cabaran dan lebih bermaruah.

"Masih banyak lagi perubahan sikap yang perlu dilakukan oleh orang Melayu sebelum mereka boleh menjadi bangsa yang maju," katanya pada majlis berbuka puasa bersama presiden dan timbalan presiden Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau berkata Melayu boleh mencapai kejayaan jika mereka menukar nilai-nilai hidup mereka supaya bersesuaian dengan nilai-nilai hidup untuk menjadi bangsa yang maju.

Setiap anggota dan pemimpin Umno mesti bersungguh-sungguh memastikan parti mencapai kejayaan, katanya.

Dr Mahathir berkata orang Melayu sekarang jauh berbeza daripada orang Melayu dahulu dengan mereka kini lebih yakin pada diri sendiri dan lebih berjaya.

Bagaimanapun, banyak lagi kejayaan yang boleh dicapai jika pembentukan Melayu baru sekarang ini diperbaharui lagi.

Mereka hendaklah mengikis sikap bersengketa, berebut kuasa, menggunakan politik wang untuk mendapatkan tempat dan iri hati.

"Kalau kita terus bersikap demikian tak mungkin Melayu akan berjaya,

"Saya minta ahli-ahli Umno lupakan (kepentingan) diri sendiri, utamakan parti kerana nikmat bukan terletak pada individu tetapi pada parti yang menentukan kejayaan bangsa," katanya.

"Sayangilah Umno majukanlah Umno," katanya.

Beliau berkata janganlah kerana kepentingan peribadi atau orang tertentu, mereka sanggup mencantas parti.

Dr Mahathir berkata hanya parti boleh menubuhkan kerajaan di Malaysia dan bukannya individu.

Pemimpin dan anggota parti hendaklah memastikan parti yang mendapat kejayaan dan bukannya individu.

Sambil menghargai sanjungan yang diberikan oleh pemimpin serta anggota Umno kepadanya atas sumbangan beliau kepada parti dan negara, Dr Mahathir berkata penghargaan yang lebih bermakna baginya ialah melihat anggota parti terus berganding bahu untuk menjayakan parti dan menolak segala persengketaan.

"Itulah balasan yang saya lebih hargai daripada kata-kata," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata selain sikap rajin, bersungguh-sungguh dan berdisiplin, Melayu perlu mempunyai rasa malu jika mereka membelakangkan kepentingan parti.

"Hanya bangsa yang tahu malu sahaja akan berjaya," katanya.

Beliau berkata ada bangsa yang sanggup membunuh diri kerana malu tetapi Umno bukan mahukan anggotanya membunuh diri tetapi betulkan sikap dan nilai hidup mereka.

"Gagal atau berjaya sesuatu bangsa itu bukan terletak pada warna kulit tetapi budaya dan nilai hidup mereka," katanya.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih pada semua anggota Umno yang menyokong beliau semasa beliau menjadi presiden parti dan Perdana Menteri.

"Saya minta ahli memberi sokongan yang sama kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas ini," katanya.

Dr Mahathir akan melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan presiden Umno mulai 3 petang esok.

Dr Mahathir dan Abdullah kemudian menyertai ribuan pemimpin dan anggota Umno berbuka puasa sebelum menunaikan solat Maghrib, Isyak dan sunat terawih di PWTC.

-- BERNAMA

JM AT AHH MOZ